

08/08/2001

Malaysia, Filipina sepakat banteras lanun, kes culik

Kadir Dikoh; Ahmad Nadzim Jamaluddin

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia dan Filipina sepakat untuk bekerjasama dalam beberapa perkara, termasuk usaha membanteras masalah lanun dan penculikan di kawasan perairan kedua-dua negara yang agak meruncing sejak kebelakangan ini.

Turut dipersetujui ialah usaha meningkatkan kerjasama dalam bidang seperti tenaga, pertanian, pelancongan dan perdagangan.

Malah, kedua-dua negara bersetuju untuk menghidupkan semula Kawasan Pertumbuhan Asia Timur meliputi Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA) yang terjejas disebabkan kegawatan ekonomi serantau pada 1997/98.

Ini adalah antara perkara dipersetujui dalam pertemuan empat mata selama sejam di antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo, di sini hari ini.

Perbincangan lebih lanjut mengenai perkara itu kemudian diperincikan dalam mesyuarat delegasi. Pada majlis itu, memorandum persefahaman (MoU) untuk kerjasama dalam bidang pelancongan di antara kedua-dua negara, dimeterai.

Bercakap pada sidang akhbar selepas itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kerjasama dalam bidang maritim diadakan dengan meningkatkan operasi bersama dan ia akan dilakukan melalui penyaluran maklumat secara cepat. "Pertemuan ini diadakan dalam suasana mesra dan persahabatan yang amat erat dan baik. Presiden Aroyo membuat keputusan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pertamanya dalam siri lawatan ke negara Asean.

"Presiden Filipina menganggap Malaysia sebagai jiran yang dekat dan Malaysia memainkan peranan utama dalam mencapai proses damai di antara kumpulan yang bertelagah di Selatan Filipina.

"Dalam perjumpaan ini Dr Mahathir berasa bangga kerana ini adalah kali pertama seorang Presiden Filipina mengadakan lawatan rasmi setelah sekian lama. Joseph Estrada langsung tidak ada lawatan rasmi kecuali lawatan sambil kerja, manakala kali terakhir bekas Presiden Fidel Ramos melakukan lawatan kerja ke sini ialah pada 1993," katanya.

Arroyo yang tiba pagi ini untuk lawatan tiga hari, diberi sambutan rasmi dan penuh istiadat di Medan Parlimen. Ketibaan beliau di Medan Parlimen disambut Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Siti Aishah.

Turut menyambut ketibaan Arroyo dan suaminya, Jose Miguel Arroyo ialah Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali.

Terdahulu, ketibaan Arroyo bersama 90 anggota rombongannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang disambut oleh Syed Hamid selaku menteri pengiring.

Tengah hari ini, Perdana Menteri mengunjungi Arroyo di hotel penginapannya di sini. Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berada bersama-sama presiden itu selama 15 minit.

Ini adalah lawatan ke luar negara pertama beliau sejak memegang jawatan presiden. Lawatan itu dilihat sebagai cubaan ikhlas untuk memperbaiki hubungan kurang baik Manila-Kuala Lumpur ketika tempoh pemerintahan Estrada berikutan kritikkannya mengenai cara Malaysia mengendalikan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Syed Hamid berkata, kedua-dua negara juga bersetuju untuk menyambung mesyuarat Suruhanjaya Bersama dan mesyuarat akan datang dicadang diadakan

di Davao, Selatan Filipina, tetapi tarikhnya belum ditetapkan.

"Semua ini dipersetujui. Apa saja masalah dan isu yang dihadapi bersama dari masa ke semasa, kita akan berusaha mencari jalan menyelesaikannya dengan sebaik mungkin," katanya.

Mengenai perdagangan, beliau berkata perangkaan perdagangan antara kedua-dua negara bagi tahun 2000 berjumlah RM14.2 bilion, dan ini tentu boleh ditingkatkan.

Katanya, Filipina juga mahu melihat lebih banyak pelaburan Malaysia, termasuk di kawasan BIMP-EAGA membabitkan sektor seperti peladangan gula.

Selain itu katanya, perbincangan juga menyentuh mengenai kedudukan pekerja Filipina di negara ini dan pendatang tanpa izin dari negara itu akan dihantar pulang mengikut proses yang dipersetujui bersama.

"Filipina berterima kasih kerana Malaysia melakukan beberapa pemutihan rakyat Filipina sebanyak 120,000 orang dan 60,000 daripadanya sudah dikeluarkan passport Filipina setelah ada persetujuan kedua-dua belah pihak," katanya.

Mengenai kerjasama dalam sektor gas, beliau berkata Filipina meminta Malaysia bagi kemungkinan menyalurkan gas dari Sabah ke negara itu melalui paip.

"Dalam bidang peladangan dan pertanian, mereka mahu bertukar pengalaman dan kepakaran untuk membolehkan Filipina menceburi bidang ini," katanya.

(END)